

**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN**  
**KOMPLEKS ISLAM DARULNAIM, LUNDANG**  
**15200 KOTA BHARU**

**TEL: 09-7481512 / 7445957 FAX :09-7485512 / 7444393**

.....

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia [**keutamaan kepada peranakan Negeri Kelantan**] yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

1. (a) **Jawatan** : **Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41  
(Pegawai Penyelidik)  
(1 kekosongan)**
- (b) **Klasifikasi** : Sosial
- (c) **Kumpulan** : Pengurusan dan Profesional  
**Perkhidmatan**
- (d) **Taraf Jawatan** : Kontrak
- (e) **Jadual Gaji** : Gred S41

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar KGT
RM2,078.00	RM9,544.00	RM225.00

Syarat-syarat Lantikan:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- (a) warganegara Malaysia.
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Ijazah sarjana muda dalam bidang pengajian Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred S41 : RM2,078.00) ;  
atau
- (ii) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang pengajian Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred S41 : RM2,281.86) ;

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
3. **Keutamaan diberikan kepada calon-calon yang;**
  - i) ***Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana Muda Kepujian Pengajian Islam dalam bidang pengajian Syariah Islamiah atau Usuluddin yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;***
  - ii) ***Mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman di dalam bidang kefatwaan dan hukum syarak;***
  - iii) ***Mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam melaksanakan penyelidikan;***
  - iv) ***Mempunyai kelulusan di peringkat Ijazah Sarjana dan ke atas;***
  - v) ***Mempunyai penguasaan yang baik dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab adalah satu kelebihan.***